



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 32 BIL 2/2022

RESIDEN PELAJAR DHUAM: PERMOHONAN PERPINDAHAN PELAJAR UV-DHUAM KE RESIDEN PELAJAR 5

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Merujuk kepada pengumuman rasmi berkaitan Kemasukan Pelajar Secara Fizikal Ke Kampus bagi Semester II, Sesi Akademik 2021/2022 yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) pada 7 Februari 2022, pihak universiti telah membenarkan penambahan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus bagi Semester 2 Sesi 2021/2022 pada 3 Mac 2022 manakala bagi pelajar sedia ada pada 4-6 Mac 2022.

Oleh kerana kapasiti residen pelajar di Kampus Pekan terhad, justeru itu, penyusunan semula penempatan pelajar di UV-DHUAM akan dilaksanakan. Pelajar yang berminat untuk berpindah ke Residen Pelajar 5 (RP5) boleh memohon dengan memenuhi syarat-syarat berikut:-

1. Pelajar **WAJIB** membuat permohonan bermula pada 16 – 19 Februari 2022 bermula jam 5.00 petang melalui pautan berikut <https://forms.gle/TaEMPP4szQJUYkYs7>. Kegagalan pelajar membuat permohonan dalam tempoh tersebut, pelajar dianggap tidak berminat dan pelajar kekal di penempatan sedia ada.
2. Bagi pelajar yang layak, tarikh perpindahan ke RP5 adalah bermula pada 26 – 28 Februari 2022. Kegagalan pelajar membuat proses perpindahan dalam tempoh tersebut, pelajar dianggap tidak berminat dan pelajar kekal di penempatan sedia ada.

3. Sebelum melakukan proses perpindahan, pelajar perlu:
 - a. Memohon proses *check out* melalui *E-community*,
 - b. Mencetak borang *check out*
 - c. Serahan borang *check out* bersama kunci bilik DHUAM ke Pejabat RP5
(9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 – 4.30 petang)
4. Kunci bilik RP5 hanya akan diberikan kepada pelajar setelah pelajar menyerahkan kunci bilik DHUAM.

Mana-mana pelajar yang kehilangan kunci bilik DHUAM, sila berurusan dengan Pejabat DHUAM (di Aras Bawah, *Tower 1*) untuk mendapatkan kunci gantian (bagi kes pelajar kehilangan kunci). Sila pastikan bilik ditinggalkan dalam keadaan bersih, kemas dan tersusun. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan barang-barang peribadi di dalam bilik tersebut.


Satu Sesi *Townhall* Bersama Dekan Perkhidmatan Pelajar dan Pengetua DHUAM akan dibuat berhubung perkara ini pada **19 Februari 2022 bermula jam 9.15 – 10.15 malam** melalui aplikasi Microsoft Teams. Pautan akan diberikan melalui group Telegram DHUAM sebelum *townhall* berlangsung.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 09-4315985 / 09-4316030 / 09-4316899 / 09-4315998 / 09-4316009. Pelajar juga boleh menghubungi Felo dan Pengetua DHUAM.

Sekian untuk maklumat dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



PROFESOR MADYA DR. MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 16 Februari 2022

#StaySafe
#StayStrong
#StayAtHome
#AmalkanPenjarakanSosial
#KitaJagaKita